



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|----------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 3 October 2015 |

Malaysia prihatin nasib pelarian perang Syria

BH - 3/10/2015

» Sedia terima 3,000 pelarian dalam tempoh tiga tahun: PM

Kadir Dikoh

kadiro@bh.com.my

► New York



Prihatin dengan kesengsaraan pelarian Syria, terutama paparan mayat kanak-kanak, Aylan Kurdi, 3, terdampar di pantai dalam wilayah Turki mendorong Malaysia untuk membuka pintu kepada 3,000 pelarian Syria ke negara ini.

Ia akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian yang semakin meruncing.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika perbahasan dalam sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini, tengah malam kelmarin, waktu Malaysia.

Pengumuman itu disambut tepukan gemuruh pemimpin yang hadir. Dilaporkan sejak empat tahun lalu, kira-kira empat juta pelarian Syria melarikan diri ke negara jiran dan beberapa negara Eropah.

Prihatin nasib pelarian

Najib menyebut mengenai paparan menyayat hati Aylan yang menurutnya 'melihat wajah anak sendiri pada wajah anak kecil yang tidak mengerti apa-apa itu - kita akan bertindak jauh lebih baik'.

"Masyarakat di seluruh dunia merintih supaya kita membantu. Kita tidak boleh tidak sepatutnya - berlaku begitu sahaja," katanya dengan nada agak sayu.

Aylan dikatakan mahu berhijrah ke Kanada selepas melarikan diri dari pekan Kobani, di Syria yang musnah akibat perang.

Gambar mayatnya bersama ahli keluarga yang terdampar di pantai pelancongan Bodrum, Laut Aegean, Turki, pada 2 September lalu menjadi viral di media sosial sehingga meraih simpati dan mencetuskan kemarahan terhadap kegaga-



Najib berucap ketika perbahasan sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di New York, kelmarin.

[FOTO AP]

lan negara maju bertindak membantu pelarian.

Abangnya, Galip, 5, dan ibunya Rehan, 35, juga maut selepas bot mereka karam dalam perjalanan ke Pulau Kos, Greece. Bapanya, Abdullah ditemui separuh sedar dan dibawa ke hospital dekat Bodrum.

Kobani, sebuah bandar di utara Syria berhampiran sempadan Turki, menyaksikan pertempuran hebat antara militan Kumpulan Negara Islam (IS) dan tentera serantau Kurdis selama beberapa bulan.

“Penyelesaian peringkat antarabangsa perlu dalam menangani krisis pelarian ini. Mereka manusia seperti kita. Kita wajar ambil berat”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Najib juga menegaskan, negara Islam sebahagiannya bertanggungjawab memastikan kesejahteraan rakyat Syria yang terpinggir melarikan diri dengan jumlah yang besar sehingga mengakibatkan tekanan ekonomi dan sosial di Eropah.

Tanggungjawab bersama

“Sebab itu Malaysia selama ini telah mengambil banyak orang yang melarikan diri daripada peperangan, kebuluran dan penganiayaan. Kini kami mempunyai ratusan ribu pendatang dan kami mengambil lebih ramai awal tahun ini apabila ada krisis kemanusiaan di Laut Andaman.

“Penyelesaian baharu di peringkat antarabangsa amat diperlukan dalam menangani krisis pelarian ini. Jutaan yang melarikan diri itu adalah manusia seperti kita. Kita wajar mengambil berat. Kita mesti

menghormati nilai kemanusiaan sejagat,” katanya.

Perdana Menteri turut mengulangi kekecewaan Malaysia terhadap kegagalan PBB menerima pakai resolusi menubuhkan sebuah tribunal antarabangsa untuk menyiasat insiden menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines MH17 kerana kuasa veto dikenakan.

“Kami akan terus menuntut keadilan menerusi opsyen undang-undang lain kerana kami bertanggungjawab terhadap keluarga mangsa yang terkorban dalam kejadian jenayah yang kejam ini,” katanya.

Pada 29 Julai lalu, Russia menggunakan kuasa veto untuk menghalang cadangan lima negara yang dirintis Malaysia untuk menubuhkan tribunal jenayah antarabangsa sementara bagi membicarakan mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh penerbangan MH17 tahun lalu.

►Teks ucapan penuh Perdana Menteri di muka 34-35 dan di www.bharian.com.my